

PEMBEDAHAN PERTAMA OTORINOLARINGOLOGI DI HoSZA


11 FEBRUARI 2025 | Kuala Nerus


Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah mencatat satu lagi pencapaian bersejarah dengan kejayaan pasukan perubatan dari Jabatan Otorinolaringologi yang melaksanakan pembedahan pertama Superficial Right Parotidectomy for Right Parotid Pleomorphic Adenoma di Dewan Bedah Utama.

Pembedahan ini diketuai oleh Pakar Perunding Otorinolaringologi (ORL), Dr. Nor Kamaruzaman bin Esa yang juga merupakan Ketua Jabatan ORL HoSZA bersama-sama dengan Pakar Perunding ORL, Prof. Mohd Sayuti bin Razali, dibantu oleh Pakar Bedah Dr. Salman bin Amiruddin dan Dr. Muhammad Nu'aim bin Ishak. Turut memberikan sokongan ialah Pegawai Perubatan Dr. Filla Dalila Othman dan Dr. Nur Syahirah Ab Ghani.

Jabatan Anaesthesiologi & Rawatan Intensif turut memainkan peranan penting dalam kejayaan prosedur ini, diketuai oleh Dr. Mohd Ramzi Abdul Alam (Pakar Anaesthesiologi) dan dibantu oleh Dr. Aiman Liyana.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas kejayaan ini. Kejayaan pembedahan ini bukan sahaja mencerminkan kepakaran dan komitmen warga HoSZA, malah menjadi bukti komitmen HoSZA dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada masyarakat.





**PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI: PEMERIKSAAN MATA DAN TELINGA
ANJURAN BERSAMA JABATAN OFTALMOLOGI DAN OTORINOLARINGOLOGI
SERTA PELAJAR FAKULTI PERUBATAN UNISZA BERTEMPAT DI MASJID
SULTAN MOHAMAD, BUKIT BESAR**

Kuala Nerus - 22 Februari 2025

Jabatan Oftalmologi dan Jabatan Otorinolarinologi HoSZA telah melaksanakan program khidmat komuniti pemeriksaan kesihatan mata dan telinga serta memberikan pendidikan kesihatan kepada komuniti setempat sekitar Masjid Sultan Muhammad, Kuala Terengganu.

Program ini telah diketuai oleh Ketua Jabatan Oftalmologi HoSZA, Dr. Syaratul Emma Binti Hashim dan Ketua Jabatan Otorinolarinologi HoSZA, Dr. Nor Kamaruzaman Bin Esa bersama keseluruhan kekuatan 40 anggota yang merangkumi 5 pakar perubatan, 10 pegawai perubatan dan 25 anggota klinikal dan bukan klinikal sokongan, bersama-sama kumpulan pelajar perubatan tahun 4 Fakulti Perubatan UniSZA seramai 30 orang.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan kakitangan jabatan serta pelajar yang terlibat tentang tanggungjawab diri terhadap komuniti sekeliling. Aktiviti ini akan memberi peluang kepada mereka untuk melakukan kerja secara sukarela.

Melalui program ini, kakitangan jabatan dapat mempraktikkan kemahiran perubatan mereka kepada komuniti. Disamping itu, pelajar yang terlibat dapat mempelajari bagaimana saringan pemeriksaan mata dan telinga dalam komuniti dilakukan.

Pihak program amat berbesar hati apabila menerima kunjungan pengarah HoSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Bin A.Latif ketika program sedang berlangsung. Seramai 130 orang warga komuniti telah disaring dan hampir 30 orang telah menerima rujukan ke HoSZA bagi rawatan susulan.

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid Sultan Muhammad bersama fakulti perubatan yang telah menjayakan program khidmat komuniti pemeriksaan kesihatan mata dan telinga pada hari ini.

Semoga kerjasama dan hubungan silaturahim yang terjalin memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak serta mengukuhkan misi HoSZA sebagai hospital berpakar yang memperkasakan kesihatan komuniti.

